

Bajet Alternatif 2017 dibentang

■ MUHAMMAD SHAMSUL
ABD GHANI
FOTO: AFIQ RAZALI

KUALA LUMPUR- Pakatan Harapan membentangkan Belanjawan Alternatif Malaysia 2017 bertemakan Pakatan Harapan Menentukan Masa Hadapan.

Pembentangan dipengerusikan Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Bilik Jawatankuasa 2 di Parlimen.

Menjelaskan intipati belanjawan itu, Wan Azizah berkata, Belanjawan Pakatan Harapan 2017 didasari 11 dasar cadangan.

"Dasar kami ini berlandaskan prinsip keadilan sosial yang diterima pakai semua agama.

"Dalam merangka dasar ini, kami terutamanya, diilhamkan ciri kesederhanaan didukung Syariah Objektif (Maqasid As-syariah),"katanya.

Jelasnya, 11 dasar itu ialah

memberi kesaksamaan peluang pekerjaan; meningkatkan upah pekerja; mengurangkan pekerja asing dan melebihi pendapatan rakyat; prosuder kerajaan bagi pelaporan fiskal; pencegahan rasuah, jimat dan mudah; wilayah besar Sabah dan Sarawak; menyemarakkan industri beras; Telco, mencari...tiada servis; pengangkutan awam bandar; perumahan untuk rakyat dan kesihatan itu kekayaan.

Dalam pada itu, Wan Azizah berkata, Belanjawan Pakatan Harapan juga akan mengurangkan belanjawan Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM10 bilion.

"Kita perangi pembaziran akibat rasuah dan melaksana sistem anti rasuah," katanya.

Mengulas lanjut, katanya mereka juga akan menaikkan gaji menimun bulanan kepada RM1,500 di seluruh negara.

Untuk rekod, kerajaan



Pembentangan Belanjawan Alternatif Malaysia 2017 di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

memerintahkan pelaksanaan gaji minimum 2016 yang menetapkan RM1,000 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Katanya, mereka turut memperuntukkan 60 peratus daripada belanjawan pembangunan Persekutuan kepada negeri paling miskin dari segi gaji bulanan, tanpa mengira parti politik yang mentadbir

negeri terbabit.

"Perbelanjaan pembangunan dalam belanjawan persekutuan itu segera mengutamakan Sabah, Kelantan, Sarawak, Kedah dan Terengganu," katanya.

Menurutnya, dengan belanjawan pembangunan purata RM50 bilion setahun bagi seluruh Malaysia, Sabah dan Sarawak akan menerima separuh daripada peruntukan 60

peratus yang disediakan.

Sementara itu, katanya belanjawan mereka turut memperkenalkan harga bersepadu untuk perkhidmatan Komuter KTM, bas Rapid KL, Bas Transit Rapid (BRT), LRT dan perkhidmatan MRT di Lembah Klang.

"Harga bersepadu akan memastikan pengguna dikenakan untuk satu perjalanan berdasarkan harga jarak dan

bukannya bayaran berasingan bagi setiap jenis perkhidmatan yang digunakan," katanya.

Dalam pada itu, katanya bagi mengawal harga rumah pula, pihaknya akan mengekalkan kawalan ke atas pembangunan perumahan awam dari segi perancangan, pembinaan dan pengurusan.

"Kontrak pembinaan akan dianugerah melalui tender terbuka, peratusan keuntungan kontraktor perlu dikawal pada paras lima peratus sehingga 10 peratus," katanya.

Ujarnya, kawalan itu membolehkan kerajaan memastikan harga rumah di paras RM80,000 hingga RM90,000 bagi setiap unit berukuran 650 kaki persegi.

"Kadar ini selaras dengan harga mampu milik memandangkan harganya tiga kali lebih murah dari segi pendapatan kasar tahunan isi rumah," katanya.